

# Universiti Kebangsaan Malaysia B ke separuh akhir

**KUALA LUMPUR 5 Mei** - Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) B memenangi kedua-dua perlawanan dalam saingan kriket UKM Twenty20 di Kinrara Oval semalam untuk layak bersaing dalam separuh akhir Sabtu ini.

Dalam pertemuan hari ini, UKM B membaham Sunway University College dengan sepuluh wicket. Dalam satu lagi perlawanan, finalis tahun lalu itu menundukkan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan 40 larian.

Juara bertahan, UKM A pula akan berentap dengan Segi University College esok untuk menentukan juara kumpulan A.

Pengurus UiTM, Nor Aidil Latiff yang ternyata kecewa dengan prestasi pasukannya hari ini berharap pertemuan dengan Lincoln College dalam pertemuan akhir kumpulan B akan memberikan kelebihan kepada pasukannya.

"Saya dan jurulatih dari Sri Lanka, Chamath Perera amat kecewa dengan persembahan hari ini. Kami mendapati ramai pemain kaku di lapangan tengah," katanya.

**PEMUKUL UiTM, Zubair Asyraf Nor Azmi** melakukan pukulan enam pada pertemuan dengan UKM B dalam saingan UKM Twenty20 di Kinrara Oval, Puchong, Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN



## KRIKET UKM TWENTY20

### KEPUTUSAN

### JADUAL

**Segi University College** kalahkan **Asia Pacific University** dengan 37 larian.

**Segi University 122-6 (20 over)** AL Pushpitha kekal 36, Nabil Anuer 20, Ilzam Mishra 13, Amirul Zubair Zulkifli 2-19.

**Asia Pacific University 85 (18.2 over)** Hasham Touseef 21, Azwar Tajri 17, Hadi Halem 15, Mirza Ibrahim 3-13, Amith Thekethra 2-10, Ethesham Aziz 2-13, Rashard Doole 2-20.

**Pemain terbaik:** AL Pushpitha (Segi).

**Lincoln College of Technology** kalahkan **Universiti Multimedia Melaka** dengan 10 wicket.

**Universiti Multimedia Melaka 66 (16.1 over)**

Adnan Aslam 31, Md. Ripan Mia 5-15, Salim Shajan 3-14, M. Haider Ali 2-9.

**Lincoln College 67-0 (10.4 over)** M. Haider Ali kekal 43, Ashiqul Haque 22.

**Pemain terbaik:** Md. Ripan Mia (Lincoln).

**Universiti Kebangsaan Malaysia B** kalahkan **Universiti Teknologi Mara** dengan 40 larian.

**UKM B 112-6 (20 over)** Mahadi Muda 24, Nasiruddin Mazlan kekal 23, Adam Zulkifli 18, Amiruddin Azahar 18, Nik Hasyim Muhammad 3-19, Mahathir Razali 2-23.

**UiTM 72-8 (20 over)** Zubair Asyraf Nor Azmi

27, Mahathir Razali 11, Nik Nabil Safwan Anuay 2-5.

**Pemain terbaik:** Mahadi Muda (UKM B).

**Universiti Kebangsaan Malaysia B** kalahkan **Sunway University College** dengan 10 wicket.

**Sunway University College 15 (8.2 over)** Syed Lubaab Rahman kekal 12, Nik Nabil Safwan Anuay 5-5, Mahadi Muda 3-9, Nasiruddin Mazlan 2-0.

**UKM B 16-0 (1 over)** Norhamizan Hamidon kekal 14.

**Pemain terbaik:** Nik Nabil Safwan Anuay (UKM B).

### HARI INI

UITM LWN LINCOLN COLLEGE  
(Bayuemas Oval, 9.30 pagi)

SUNWAY UNI. LWN MMU MELAKA  
(Bayuemas Oval, 1.30 petang)

UIA LWN ASIA PACIFIC UNI.  
(Kinrara Oval, 9.30 pagi)

UKM A LWN SEGI UNIVERSITY  
(Kinrara Oval, 1.30 petang)